

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 27. 7. 2017 ( KHAMIS )**

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan apakah langkah penyelarasan untung  
rugi pengusaha stesen-stesen minyak apabila berlaku penurunan harga  
petrol dan diesel.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Mekanisme penetapan harga mingguan mempercepatkan penyelarasan harga runcit petrol dan diesel dengan harga kos produk yang sebenar. Dalam hal ini harga runcit yang dikenakan adalah lebih hampir kepada dengan kos porduk berkenaan.

Kementerian telah mengadakan perbincangan bersama syarikat minyak pada 20 Jun 2017 dan pengusaha setesen minyak pada 6 Julai 2017 bagi membincang dan menambah baik pelaksanaan harga mingguan petrol dan diesel. Kementerian sedang menjalankan kajian terhadap pelaksanaan harga mingguan dan formula baru hanya akan diperkenalkan sekiranya terdapat bukti kukuh yang memerlukan perubahan kepada pelaksanaan harga mingguan yang sedia ada.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Syarikat minyak menyediakan insentif dengan menyediakan kemudahan kedai runcit di stesen-stesen minyak bagi membantu menambah pendapatan pengusaha stesen minyak melalui jualan barangan runcit di samping memberikan perkhidmatan dan kemudahan kepada orang awam. Selain daripada itu, syarikat minyak juga menjalankan program-program promosi di stesen minyak bagi menarik lebih ramai pelanggan ke kedai runcit tersebut. Pada masa yang sama, pengusaha stesen minyak dibenarkan untuk menambah atau membatalkan pesanan pembelian bekalan petrol dan diesel bagi mengawal stok bekalan di stesen minyak.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD  
MANAP [SEKIJANG]**

**TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 74**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah tahap kejayaan yang telah dicapai menerusi Program Pembangunan Perusahaan Luar Bandar di bawah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan apakah perancangan masa hadapan pihak Kementerian bagi terus memperkasakan pembangunan usahawan luar bandar.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) adalah merupakan satu usaha berterusan Kerajaan bagi memudahcara usahawan luar bandar untuk memperolehi pinjaman bagi mengembangkan perniagaan ke arah pemantapan perniagaan dan seterusnya pendapatan dan mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di kalangan penduduk luar bandar. Tahun 2017 adalah merupakan tahun keenam belas (ke-16) penubuhan program SPED bagi usahawan Bumiputera di Luar Bandar semenjak ditubuhkan pada tahun 2001.

Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin/peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran/ penjamin, bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam (6) bulan bagi memberi peluang kepada peminjam

menjanakan pendapatan. Dua (2) buah bank pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Sepanjang tempoh pelaksanaan SPED dari tahun 2001 sehingga 30 Jun 2017, seramai 3,791 orang usahawan Bumiputera luar bandar telah diluluskan dengan pembiayaan SPED dengan nilai berjumlah RM381 juta yang meliputi seluruh Malaysia. Secara keseluruhannya usahawan luar bandar yang menerima kemudahan pembiayaan ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 20 peratus yang membuktikan agenda mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Luar Bandar (MPPB) di kalangan masyarakat luar bandar termasuk belia luar bandar telah tercapai.

KKLW melalui 6 Fokus Utama Kementerian telah menggariskan Ekonomi dan Keusahawanan sebagai tunjang untuk menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan aktiviti ekonomi dan keusahawanan serta mencipta peluang pekerjaan. Kedua-dua fokus ini mempunyai matlamat untuk

meningkatkan pendapatan isi rumah penduduk luar bandar sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang 2020 dan memartabatkan perniagaan Bumiputera serta mewujudkan entiti pemasaran produk Luar Bandar bagi menembusi pasaran kuasa beli tinggi. Antara program-program yang dirancang adalah mewujudkan Rural Premium Outlet (RPO), memperluas Perniagaan *Online Business* di Luar Bandar, menggalakkan penglibatan pelajar IPTA/IPTS dalam bidang keusahawanan melalui program U2Desa dan mengembangkan perniagaan belia luar bandar melalui program Rural Business Challenge (RBC-CEO Desa).

## SOALAN ( 75 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 27 JULAI 2017  
[ KHAMIS ]  
DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG  
[SIBUTI]

## SOALAN :-

**YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan Pili Bomba dapat disediakan kepada penduduk rumah panjang di Sarawak.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rumah panjang yang berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sarawak sehingga tahun 2016 adalah sebanyak 2,426 buah rumah. Melalui hasil pemeriksaan pili bomba yang dilakukan pada setiap tahun, sehingga tahun 2016 jumlah pili bomba yang telah dipasang di kawasan rumah panjang adalah sebanyak 499 unit.

Bagi pemasangan pili bomba baru di rumah-rumah panjang, JBPM Negeri Sarawak juga merujuk kepada perkara-perkara berikut:

- (i) memberikan fokus kepada kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan berisiko atau mendapat permohonan dari orang ramai;



- (ii) memastikan kawasan yang dicadang untuk dipasang pili bomba baru hendaklah mempunyai saluran bekalan paip utama sekurang-kurangnya 100 mm diameter; dan
- (iii) mengenalpasti anggaran kos pemasangan serta mendapat persetujuan dari pihak berkuasa air untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan pili bomba baru.

JBPM Negeri Sarawak juga sentiasa berbincang dan bekerjasama dengan Syarikat Air Negeri Sarawak agar perancangan pemasangan pili-pili bomba yang baru dilakukan dengan lebih efektif.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017